



29.11.2024
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

BEKALAN AIR DI KAWASAN PANTAI DI BAHAGIAN PULAU, PULAU PINANG KEMBALI NORMAL SEHINGGA JAM 10.45 PAGI HARI INI

- **Kerja-kerja air di Loji Rawatan Air Batu Ferringhi siap lebih awal daripada jadual.**
- **Bekalan air kepada 37,000 pengguna air di Bagan Jermal, Batu Ferringhi, Mount Erskine, Tanjung Tokong, Tanjung Bungah, Batu Ferringhi dan Teluk Bahang dipulihkan lebih awal daripada jadual.**

PULAU PINANG, Jumaat, 29.11.2024: PBAPP telah memulihkan perkhidmatan bekalan air bagi 37,000 pengguna air (termasuk hotel antarabangsa) di kawasan tepi pantai utara di bahagian pulau, Pulau Pinang pada jam 12.00 tengah hari, hari ini lebih awal daripada jadual.

Loji Rawatan Air (LRA) Batu Ferringhi telah beroperasi semula sepenuhnya. Ia dapat mengeluarkan maksimum 120 juta liter sehari (JLH) air terawat untuk bekalan di 7 kawasan utama berikut:

- Bagan Jermal, Batu Ferringhi, Mount Erskine, Tanjung Bungah, Tanjung Pinang, Tanjung Tokong dan Teluk Bahang.

Pengguna yang masih mengalami masalah bekalan air di kawasan ini dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Panggilan 24 Jam PBAPP (04-255 8 255). Kakitangan kami bersedia untuk memberi respons segera untuk semua laporan.

LRA ini dihenti tugas sementara mulai jam 10.00 malam tadi (28.11.2024). Gangguan bekalan air berjadual (SWSI) ini adalah perlu untuk membolehkan penggantian injap 900mm yang rosak di loji serta kerja-kerja servis/penyelenggaraan pencegahan elektrik voltan tinggi.

Semua kerja semalam di tapak telah berjaya disiapkan, seperti yang dirancang dan lebih awal daripada jadual.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengguna yang terjejas atas kefahaman dan kerjasama ketika SWSI ini.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Kerja-kerja air di LRA Batu Ferringhi akan membantu memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan di sepanjang kawasan tepi pantai yang popular di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my